

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT
BENDERA]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut merupakan perincian berkenaan pembaharuan undang-undang dan jangka masa pembentanagn di Dewan Rakyat bagi undang-undang yang berada di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan agensi-agensi di bawahnya.

Bagi undang-undang yang masih di peringkat pindaan, sebanyak empat (4) rang undang-undang, iaitu;

BIL	AKTA	OBJEKTIF PINDAAN	JANGKA MASA PEMBENTANGAN
1.	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]	- untuk menggalakkan pembangunan industri komunikasi &	Mesyuarat Parlimen tahun hadapan

BIL	AKTA	OBJEKTIF PINDAAN	JANGKA MASA PEMBENTANGAN
		<p>multimedia untuk keperluan masa hadapan;</p> <ul style="list-style-type: none"> - untuk menambah baik aspek keselamatan rangkaian berikutan peningkatan dalam penggunaan dan pergantungan orang ramai terhadap perkhidmatan digital; dan - untuk mengukuhkan pengurusan media baharu termasuk mempunyai pengawasan kawal selia ke atas pemain OTT (<i>over-the-top</i>) dan portal berita dalam talian. 	
2.	<p>Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [Akta 589]</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Penambahbaikan fungsi Suruhanjaya; - Pemisahan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); - Penyusunan semula komposisi keanggotaan Suruhanjaya; dan - Pengerusi dan KPE tidak dibenarkan 	<p>Mesyuarat Parlimen tahun hadapan</p>

SOALAN NO : 14

BIL	AKTA	OBJEKTIF PINDAAN	JANGKA MASA PEMBENTANGAN
		menjadi ahli mana-mana badan perundangan.	
3.	Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244]	Untuk mengkaji peruntukan Akta supaya ia selari dengan perkembangan teknologi dan usaha Kerajaan untuk menambak industri filem di Malaysia.	Mesyuarat Parlimen tahun hadapan
4.	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]	Memantapkan peruntukan berdasarkan input daripada pihak industri dan amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa seperti di negara Kesatuan Eropah iaitu General Data Protection Rules (EU-GDPR).	Mesyuarat Parlimen tahun hadapan